

9 JAN 1996

KERAJAAN SEDANG KAJI KEBENARAN BEKERJA BAGI PESARA

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Kerajaan sedang mengkaji cadangan membenarkan pesara kerajaan yang berusia 55 tahun ke atas bekerja semula di jabatan-jabatan awam, kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid hari ini.

Beliau berkata cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bahawa pesara dibenarkan bekerja bagi mengurangkan penggantungan kepada pekerja asing diambilkira dengan teliti sebelum keputusan muktamad mengenainya dibuat.

"Kajian mengenainya sedang dilakukan. Ini termasuk cadangan mengeluarkan sijil pengesahan tertentu kepada pesara yang mempunyai kemahiran dalam sesuatu bidang bagi membolehkan mereka bekerja dengan sektor swasta," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Seminar Etika Hakim dan Peguam, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), di sini.

Ahmad Sarji yang juga pengerusi Ikim berkata beliau sedang menunggu maklumat lanjut mengenai cadangan itu dan prosedur pelaksanaannya yang dijangka diperolehinya tidak lama lagi.

Terdahulu itu dalam ucapannya, beliau berkata Ikim akan menghasilkan "Jurnal Undang-Undang" dalam bahasa Malaysia dan Inggeris serta buku "Undang-Undang Keluarga Islam".

Sebanyak empat kertas kerja dibentangkan dalam seminar sehari itu, antaranya "Etika Hakim Mahkamah Sivil: Keselarasan dengan Syariah" oleh Prof Tan Sri Syed Agil Barakbah dari Universiti Islam Antarabangsa dan "Etika Peguam Dari Perspektif Islam" oleh Datuk Dr Abdul Monir Yaacob dari Ikim.

-- BERNAMA